

# Anak jati Tanduo mahu berbakti

BH 25.11.2013 4

**Kota Kinabalu:** Anak jati FELDA Sahabat, Lahad Datu, yang memiliki ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), mahu menggunakan kelulusannya untuk membela kebajikan penduduk kampungnya yang masih menderita akibat pencerobohan pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Mac lalu.

Mazuani Jumadi, 24, berkata dia sedia menyumbangkan baktinya jika diperlukan oleh kerajaan kerana kelulusannya mempunyai kaitan dengan bidang kebajikan.

## Laku kerja kebajikan

"Tiada masalah untuk berbuat demikian kerana memang sejak kecil saya suka melakukan kerja kebajikan, lagi bersemangat kalau tolong orang kampung sendiri," katanya selepas menerima ijazah daripada Pro Canselor UMS, Tan Sri Dr Yeoh

Tiong Lay pada Majlis Konvokesyen Ke-15 UMS semalam.

Menceritakan peristiwa pencerobohan di Kampung Tanduo, Mazuani berkata, hatinya tidak senang kerana me-

*“Ketika itu saya berada di semester terakhir dan setiap hari saya memikirkan keadaan keluarga tetapi ibu beritahu supaya tidak perlu risau kerana mereka selamat”*

**Mazuani Jumadi**

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial UMS



Mazuani (tiga dari kanan) dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial UMS **berkongsi kegembiraan bersama keluarga** pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-15. [FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

mikirkan keselamatan keluarga ibu bapanya.

## Semester akhir

"Ketika itu saya berada di semester terakhir dan setiap hari saya memikirkan keadaan keluarga tetapi ibu (Dahani Kancang) beritahu supaya tidak perlu risau kerana mereka selamat."

"Selepas itu baru hati saya tenang dan dapat meneruskan pengajian," katanya.

Sementara itu, pengajian Tamu Gadang di Padang Kawad UMS sempena majlis konvokesyen mendapat sambutan hangat dan diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti jualan makanan, pamperan kereta dan konsert.

Turut diedarkan akhbar BH tajaan Atikah Enterprise (Kinabalu) Sdn Bhd pada Tamu Gadang dan majlis konvokesyen yang diadakan di Dewan Canselor UMS.